

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN  
MOHD. TAHIR (TEMERLOH)**

**TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN MOHD. TAHIR [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini tentang pembinaan Jambatan Baharu Temerloh dan bilakah pembinaan ini dapat disiapkan setelah tergendala akibat pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lanjutan daripada Arahan Kerajaan berhubung Perintah Pelaksanaan Pergerakan (PKP) di seluruh negara, pelaksanaan Projek Menaiktaraf Jambatan Sultan Haji Ahmad Shah (Daripada 2 Lorong Kepada 4 Lorong) Temerloh, Pahang tetap dilaksanakan sepertimana peraturan dan norma-norma baharu SOP Pembinaan yang berkuatkuasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kemajuan kerja fizikal semasa di tapak pada 31 Ogos 2021 adalah sebanyak 13.27% berbanding jadual 13.56% (kelewatan 0.29% iaitu 7 hari).

Pada masa ini pembinaan projek tersebut masih berjalan sepertimana yang dijadualkan dan projek dijangka siap pada bulan Mac 2024.

Sekian, terima kasih.